



# KOPI PAHIT

Tengku Abdul Rahman Putra Al-Hajj Perdana Menteri Malaysia telah memandang ucapan Rahim Ishak di Singapura yang mengatakan orang-orang Melayu “masih dikongkong oleh tradisi feodal dan adat-adat yang sudah lapuk yang menghendaki orang-orang Melayu itu mensifatkan diri mereka sebagai anjing-anjing kecil dan hamba” adalah suatu penghinaan kepada raja-raja dan orang-orang Melayu. Siapa yang mengatakannya Tengku? “Orang kita” – sebabnya tidak payah ditanya – Almaklumlah Tengku!

\*

Di dalam kemarahan Tengku kepada Rahim Ishak Tengku ada menyebut ada orang jadi diktator dan mahu jadi *imperial* kecil. Siapa? Tau sama taulah! Tentu Tengku yakin orang-orang Melayu sudah faham lah!

\*

Yang Maha Mulia Raja Perlis menyatakan bahawa ajaran Islam adalah benteng untuk menghalang kemaraan komunis<sup>1</sup>. Untuk ini dengan kata-kata sahaja tidak perlu tetapi yang mustahaknya mestilah diusahakan berdakwah dan dengan dakwah Islam yang benar. Ada tempat-tempat dakwah Islam yang benar itu cuba ditahan-tahan dan ditakuti dan setengah-setengah tempat tidak berkenan. Mengapa – tanya di negara yang berkenaan!

\*

Di dalam ucapan tahun baharunya Perdana Menteri Singapura mengatakan bahawa bintang-bintang menunjukkan Singapura tahun hadapan akan bertambah makmur dan bahagia. Kalau betul begitu adalah diharap dan disyukuri. Mudah-mudahan tekaan dengan ilmu bintang (astrologi) Perdana Menteri ini betul! Mudah-mudahan Perdana Menteri sudah belajar ilmu bintang!

\*

Tuan Taufik ‘Awidah tatkala mula sampai di Singapura menyatakan kegembiraannya adanya sukatan beranak (*birth control*) dan katanya sesuai dengan kehendak al-Qur’ān tetapi di waktu beliau hendak berangkat menafikan apa yang disebut beliau itu. Orang hanya berkata sepele “diplomat”.

\*

Sebelum dua belas tahun dahulu pembaca Qalam mengejek-ejek tentang rencana yang disiarkan bertajuk “Selagi Sukarno memerintah negara Indonesia hancur” – Sekarang apa macam? Macamnya Sukarno menunggu sangat mau dibuang! Ataupun diberhentikan dan dibicarakan – ertinya Sukarno bukan sebagai “hero” Indonesia tetapi mungkin<sup>2</sup> dipandang sebagai pengkhianat kepada negara. Inikan contoh - waktu berkuasa jangan keterlaluan - hidup hendaklah sederhana dan jangan lupa daratan – sekali naik

sekali menurun – begitulah adat dunia di mana-mana juga!

\*

Ketua Pegawai Penerangan Kesatuan Pelajar-pelajar Islam Negeri Johor, A. Muhammad Salleh Hasyim telah mengesyorkan supaya diadakan undang-undang bahawa sesiapa yang tidak memasuki Tabung Haji tidak boleh pergi ke haji. Jadi orang-orang Malaysia yang dibenarkan haji – maksudnya – ialah yang menyertai Tabung Haji sahaja – begitu! Apakah hak monopoli ini hendak dibuat pula atas haji? Ini mudah-mudahan jangan berlaku!

\*

Akhbar syorkan supaya kayu balak jangan lagi dieksport ke Singapura kerana dengan demikian bererti mendapatkan peluang Singapura mendapat tukaran wang-wang luar negeri untuk Singapura sedang Malaysia tidak mendapat apa-apa. Syor ini ditolak oleh A. Abdul Rahman Ya’kub Menteri Tanah dan Galian kerana katanya di Malaysia masih banyak balak-balak lagi. Adakah ini satu kebaikan yang mesti dipandang?

\*

Taufik ‘Awidah, ketua rombongan Majlis Tertinggi Hal Ehwal Islam Republik Arab Bersatu menyatakan sokongannya kepada konsep *common wealth* Islam cadangan Tengku dan dikatakan hanya Islam jua yang dapat menyelesaikan segala masalah dunia yang sedang mengalami jalan buntu. *Al-hamduli’Lāh!* Tetapi orang masih bertanya mengapa di Yaman orang Islam masih membunuh saudaranya orang Islam?

- Cemeti al-Farouk.

<sup>1</sup> Dieja sebagai komunis, bukannya komunis

<sup>2</sup> Dieja sebagai mungkin, bukannya mungkin